

# Lawatan PM ke Itali, Perancis dan Brazil beri impak signifikan

BERITA HARIAN 9 JUL 2025 m/s: 3

Kerjasama antara kerajaan, sekatan unilateral serta isu Palestin jadi fokus pertemuan pemimpin

Daripada  
**Halim Mohamed**  
bhnews@bh.com.my  
di Rio De Janeiro



**Lawatan** Perdana Menteri dan delegasi ke Itali, Perancis dan Brazil bermula 1 Julai lalu disifatkan berjaya merekodkan pencapaian yang signifikan.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, lawatan berkenaan bukan soal menarik pelaburan atau perdagangan semata-mata tetapi juga menjalin kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan.

“Ada orang kata, ooh... bukan kita nak minta dia labur, kita beli. Kalau nak beli pesawat, kena beli juga. Kalau runding beli, faedah kepada negara lebih, kita kenakan syarat.

“Kita letak syarat. Buat sebahagian di Malaysia, pangkalan di Malaysia mesti faedah kepada negara. Itu perlu campur tangan



Anwar bersama pemimpin dunia pada hari terakhir Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS di Rio De Janeiro, semalam.

(Foto BERNAMA)

pimpinan negara,” katanya pada akhir lawatan ke Itali, Perancis dan Brazil.

## Anwar sampaikan mesej peperangan di Asia Barat

Dalam pada itu, Anwar berkata, pertemuan beliau dengan Presiden Emmanuel Macron di Paris, Perdana Menteri Giorgia Meloni di Rom serta Presiden Luiz Inacio Lula da Silva di Rio de Janeiro

berjaya menyampaikan mesej berkenaan peperangan di Asia Barat serta kekejaman Israel.

“Macron (Presiden Perancis) mengeluarkan kenyataan dia (henti peperangan dan salur bantuan kemanusiaan segera).

“Tetapi kalau Meloni (Perdana Menteri Itali) dia setuju henti serangan, dia sebut serangan Israel dia sokong usaha damai, dia sokong prinsip dua negara

iktiraf Palestin bebas, merdeka dan berdaulat,” katanya.

Berkenaan ketegasan Malaysia pada Sidang Kemuncak BRICS ke-17 yang mahu konsep multilateralisme diperhebatkan, Anwar berkata, banyak negara dalam blok itu senada dengannya.

“Semua menyatakan tidak setuju dengan langkah unilateral, sekatan termasuk tarif yang

menekan sesiapa. China, India, Brazil, Afrika (Selatan) semua sebut walaupun tarif Trump,” katanya.

Sementara itu, pesawat sewaan khas Malaysia Airlines yang membawa Perdana Menteri dan delegasi Malaysia berlepas dari Pangkalan Tentera Udara Galeao (BAGL), Rio de Janeiro pada jam 1 tengah hari waktu tempatan kelmarin.